

TERMA & SYARAT PERTANDINGAN SABAH SCREEN FEST 2022 (TERBUKA)

1. Terbuka kepada **WARGANEGARA MALAYSIA**.
2. Tema pertandingan “**SELF-LOVE**”
3. Kategori filem dipertandingkan **FILEM PENDEK, ANIMASI, DOKUMENTARI** dan **IKLAN/PESANAN KHIDMAT MASYARAKAT**.
4. Peserta boleh menyertai semua kategori tetapi hanya **1 penyertaan sahaja** bagi setiap kategori.
5. Semua bahasa boleh digunakan dalam produksi. Sekiranya menggunakan bahasa selain daripada Bahasa Melayu **sub-title dalam Bahasa Melayu diwajibkan**.
6. Durasi kategori filem pendek, animasi dan dokumentari adalah **tidak melebihi 8 minit**. Kategori iklan/pesanan khidmat masyarakat **tidak melebihi 30 saat**.
7. Isi kandungan video tidak boleh mengandungi unsur-unsur yang menyentuh sensitiviti perkauman, kebudayaan, keagamaan, politik dan pemimpin.
8. Isi kandungan video termasuk bahagian kredit/penghargaan tidak boleh mengandungi promosi pertandingan penganjur lain.
9. Produksi mestilah karya asal peserta dan tidak pernah memenangi anugerah dalam mana-mana pertandingan/festival filem/video peringkat kebangsaan atau antarabangsa.
10. Penganjur berhak menolak penyertaan yang melanggar terma dan syarat pertandingan.
11. **Cara Penyertaan**

Hasilan dimuatnaik ke youtube dan link dilampirkan bersama semasa pengisian borang penyertaan melalui google form di url: http://gg.gg/ssf_2022
12. Hak cipta produksi adalah kekal milik peserta. Walau bagaimanapun penganjur boleh menggunakan produksi tersebut untuk tujuan program pendidikan, promosi semasa dan sebagainya.
13. Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap apa jua bentuk tuntutan berkaitan dengan produksi terhadap peserta oleh mana-mana pihak yang berkaitan.
14. Keputusan panel juri adalah **MUKTAMAD**.
15. Tarikh tutup penyertaan pada **7 November 2022**